

Teknik “Suku Kata Tapak Tangan” dalam Membantu Meningkatkan Kemahiran Suku Kata KVKV dalam Kalangan Kanak-Kanak Prasekolah

Latifah binti Monnas

Unit PAKK, Jabatan Ilmu Pendidikan IPG Kampus Tawau, Sabah.

*Corresponding e-mail: latifahmonnas5442@gmail.com

Abstrak

Kajian tindakan ini dilaksanakan dengan tujuan untuk melihat sejauhmana ‘teknik suku kata tapak tangan’ dapat membantu meningkatkan kemahiran suku kata KVKV dalam kalangan kanak-kanak prasekolah. Kajian ini dilakukan di Pra Sekolah Sri Murni, IPG Tawau. Fokus kajian adalah melihat kanak-kanak ini menggunakan teknik ini dalam kemahiran membaca suku kata KVKV. Responden dalam kajian tindakan ini terdiri dari kanak-kanak prasekolah di salah sebuah prasekolah kebangsaan dalam daerah Tawau. Pendekatan kualitatif dengan menggunakan teknik pemerhatian dan temu bual adalah cara pengumpulan data dalam kajian ini. Dapatan kajian menunjukkan kanak-kanak prasekolah dapat meningkatkan penguasaan kemahiran bacaan suku kata KVKV dengan pantas dan mudah. Di samping itu juga, mereka merasa seronok dengan menggunakan teknik yang diperkenalkan kerana ia melibatkan deria sensori kanak-kanak dan mudah diguna oleh guru prasekolah serta kos efektif.

Abstract

The aim of this action research is to explore how far “using the palm technique” help preschoolers improve their mastery of the CVCV syllables. The study was conducted among preschoolers from the Sri Murni Preschool, IPG Tawau. The focus of the research is to observe the preschoolers using the palm technique in their reading skills of the CVCV syllables. Observation and interviews were used in this qualitative approach as tools to collect data. The findings show that preschool children were able to read the CVCV syllables faster. This technique is not only easy and fun to use but also help developed children’s sensory abilities. It is also simple and cost effective for preschool teachers to use.

Kata kunci: Kemahiran bacaan, suku kata KVKV, kemahiran bahasa, inovasi pengajaran.

1.0 PENGENALAN – LATAR BELAKANG

Pendidikan Prasekolah berfokus kepada usaha untuk menyediakan peluang pembelajaran yang menyeronokkan dan bermakna kepada kanak-kanak berumur empat hingga enam tahun. Fokus utama adalah proses pengajaran dan pembelajaran yang berpusatkan kanak-kanak, menekankan kepada aktiviti yang melibatkan kanak-kanak sebagai pelajar yang aktif di samping mereka merasa seronok menjalani pembelajaran yang diikuti. Aktiviti berbentuk *hands on, minds*

on sudah sewajarnya diketengahkan di samping menyemai percambahan minda secara natural berupaya dibangkitkan dalam diri kanak-kanak selaras dengan amalan yang bersesuaian dengan konsep pembelajaran kanak-kanak itu sendiri.

Konsep 'mudah ubah' menjadi kunci kepada pelaksanaan pendidikan prasekolah. Guru prasekolah perlu lebih kreatif dan inovatif dalam melaksanakan aktiviti pembelajaran kanak-kanak, dalam erti kata lain guru hendaklah fleksibel mengubahsuai strategi, kaedah agar ianya sesuai dengan keupayaan mengikut peringkat umur, kemampuan, kebolehan dan minat kanak-kanak. Kemahiran Bahasa dan Komunikasi merupakan nadi kepada pembelajaran kanak-kanak, justru dengan itu guru hendaklah memastikan kanak-kanak merasa seronok dan gembira dengan aktiviti yang dijalankan lebih-lebih lagi dalam aktiviti berbahasa kerana ia mampu mendorong kanak-kanak berinteraksi (Mazania, 2009). Keupayaan penguasaan kemahiran bahasa boleh meningkatkan kemahiran berinteraksi dalam kalangan kanak-kanak serta dapat meningkatkan keyakinan kanak-kanak dalam setiap aktiviti yang diikuti (Ormord, 2008). Perancangan pengajaran yang kreatif, inovasi dapat memberikan keseronokan dan pengalaman pembelajaran yang seronok kepada kanak-kanak di samping meningkatkan kompetensi guru pelatih dalam menyampaikan pengajaran yang bermutu kelak.

Sebagai seorang pensyarah yang mengajar subjek Prasekolah, konsep menjadikan dan pembelajaran dalam kalangan kanak-kanak menarik, mudah dan seronok amat ditekankan dalam penyampaian pengajaran. Perancangan aktiviti pembelajaran yang menarik menjadi satu masalah yang sangat ketara dalam kalangan guru pelatih pendidikan prasekolah. Pemerhatian yang dibuat semasa sesi praktikum didapati dalam Tunjang Komunikasi sering kali aktiviti bahasa yang dijalankan selalunya kurang menarik dan membosankan. Ini memberi kesan yang amat ketara kepada kanak-kanak di mana mereka akan memperlihatkan tingkahlaku yang kurang fokus dan tumpuan dalam pembelajaran. Implikasi konsep menjadikan pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan kanak-kanak jadi menarik, mudah serta seronok amat ditekankan dalam penyampaian pengajaran (Bruce, 2004).

Perancangan aktiviti pembelajaran yang menarik menjadi satu masalah yang sangat ketara dalam kalangan guru pelatih pendidikan prasekolah. Dengan memantapkan penguasaan kemahiran guru pelatih dalam perancangan pengajaran melibatkan elemen inovasi, kreativiti dapat menambah memberi satu ruang konteks yang berupaya memberi kanak-kanak satu kesediaan pembelajaran yang bermakna dalam diri kanak-kanak.

2.0 OBJEKTIF KAJIAN

Tujuan kajian tindakan ini dijalankan adalah untuk melihat sejauhmana teknik suku kata tapak tangan ini dapat membantu kanak-kanak prasekolah dapat meningkatkan penguasaan kemahiran bacaan suku kata KVKV dalam kalangan kanak-kanak prasekolah di Prasekolah Sri Murni IPG Kampus Tawau.

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Meningkatkan kemahiran membaca suku kata KVKV dalam kalangan kanak-kanak;
- ii. Membantu meningkatkan kemahiran memadan dan menyesuaikan suku kata yang dipilih untuk membentuk suku kata KVKV dalam kalangan kanak-kanak;

- iii. Melihat sejauhmana teknik suku kata tapak tangan ini berkesan dan mudah digunakan kepada guru dalam sesi pengajaran dan pembelajaran di prasekolah.

3.0 PERSOALAN KAJIAN

Berdasarkan kepada objektif kajian tindakan yang telah dinyatakan seperti di atas, persoalan kajian yang ingin digarap menerusi kajian ini adalah:

- i. Adakah Suku Kata Tapak Tangan yang diperkenalkan dapat meningkatkan kemahiran membaca dalam kalangan kanak-kanak prasekolah?
- ii. Adakah Suku Kata Tapak Tangan ini dapat meningkatkan kemahiran suai dan bentuk suku kata?

4.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian tindakan ini dilaksanakan dengan menggunakan kaedah kualitatif. McNiff (1993) menyatakan bahawa penyelidikan tindakan sebagai satu pendekatan untuk memperbaiki atau meningkatkan kualiti pendidikan melalui perubahan dengan menggalakan guru-guru lebih sedar akan amalan sendiri dan memperbaiki amalan penyampaian pengajaran.

Dengan menggunakan kitar tindakan refleksi McNiff (1993), melibatkan tiga peringkat aktiviti yang boleh diketengahkan dalam kajian tindakan iaitu:

- Pemerhatian – aktiviti yang dirancang
- Refleksi – catatan deskriptif
- Penjelasan – justifikasi kesesuaian dan penambahbaikan

Kaedah pengumpulan data kajian akan menggunakan pemerhatian, analisa dokumen dan temubual secara tidak formal terhadap responden iaitu kanak-kanak yang terlibat dalam pengenalan teknik ini akan dijalankan untuk melihat sejauhmana teknik pengajaran suku kata tapak tangan dapat meningkatkan kemahiran membaca suku kata dalam kalangan kanak-kanak prasekolah. Kajian tindakan dijalankan Prasekolah Sri Murni IPG Kampus Tawau. Saya menjalankan pemerhatian selama dua minggu di prasekolah ini untuk menjalankan aktiviti pengajaran dan ingin mengetahui sejauhmana penggunaan teknik ini dapat membantu pembelajaran kanak-kanak di prasekolah ini.

Data yang dipunggut dihuraikan secara deskriptif untuk memberi input yang dapat membantu guru dalam pelaksanaan teknik yang digunakan dalam membantu kanak-kanak menguasai kemahiran bacaan terutamanya dalam membaca suku kata KVKV, di samping ingin mengetahui adalah teknik dan bahan dalam pengajaran ini berupaya meningkatkan berkesan dalam membantu kanak-kanak menguasai kemahiran bacaan.

5.0 DAPATAN KAJIAN

Pembelajaran merupakan satu proses interaktif yang melibatkan ruang dan masa kanak-kanak dalam pembelajaran mereka. KSPK (2010) dibangunkan dengan matlamat yang jelas untuk memperkembangkan dan menyuburkan potensi kanak-kanak secara menyeluruh dan seimbang meliputi segenap aspek perkembangan mencakupi keenam-enam tunjang standard kandungan yang termaktub dalam kurikulum prasekolah. Keberkesanan pengajaran dan pembelajaran di peringkat prasekolah adalah sangat signifikan dengan kesinambungan pembelajaran kanak-kanak di masa hadapan. Menerusi kajian tindakan yang telah dijalankan beberapa elemen yang signifikan dapat dilihat menerusi aktiviti berdasarkan kepada pendedahkan terhadap teknik suku kata tapak tangan ini diperkenalkan.

5.1 Teknik Suku Kata Tapak Tangan

Menerusi pemerhatian yang dijalankan didapati kanak-kanak suka kepada aktiviti pengajaran yang melibatkan sensori mereka. ini dapat dilihat dari penggunaan tapak tangan mereka sebagai satu elemen dalam pembentukan suku kata yang dicipta oleh mereka. Kolaborasi bersama kawan-kawan juga dapat memberi mereka idea untuk membentuk perkataan yang sesuai dan dapat dimaknakan juga memberi mereka keyakinan diri untuk melakukan aktiviti pembelajaran dengan riang.

Pemerhatian yang dijalankan juga mendapati kanak-kanak dapat mengolah dan memilih sendiri suku kata yang sesuai dengan melengkapkan suku kata yang dilekatkan di tapak tangan mereka dengan penyesuaian sendiri. Mereka dapat mengecam sendiri suku kata yang terlibat dan mengeja perkataan yang tertera di tapak tangan mereka secara spontan.

Gambar: Penggunaan Teknik Suku Kata Tapak Tangan dijalankan.





5.2 Mudah, Saya Suka Cikgu

Semasa memperkenalkan teknik menggunakan aplikasi pengajaran ini, pengkaji telah membuat temubual tidak formal dan bersahaja dengan kanak-kanak yang terlibat dalam inovasi ini. Ternyata konsep mudah alih, bahan yang biasa ditemui mempengaruhi keberkesanan bahan pengajaran yang disampaikan. Konsep praktikal, mudah alih banyak memberi impak dalam pembinaan teknik pengajaran ini. Kanak-kanak merasa mudah dengan *masking tape* dan hanya dilekatkan pada tapak tangan mereka, di samping seronok melekatkan sendiri di tapak tangan mereka dan memilih.

K1 : cikgu saya suka yang dilekat-lekat di tangan, saya ingat ni suku kata terus boleh buat perkataan oooo

K2 : cikgu, minta lagi tu selotape kertas, saya mau buat suku kata juga

K3 : saya dapat buat dua perkataan sudah ni cikgu , nanti saya cari tangan si Amin dan si Rizal untuk buat perkataan aaa, ni saya sudah buat perkataan buku dan tebu kan, kan

K4 : wah ... senangnya lekat jak kan, cikgu ...

Berdasarkan dari temubual bebas secara tidak langsung, bahan pengajaran dan pembelajaran yang mudah, seronok untuk diaplikasi terutama dalam membaca suku kata dapat mengembangkan kepada perkataan-perkataan baru. Keberkesanan dan kegagalan sesuatu pengajaran adalah dipengaruhi oleh bagaimana seseorang itu mengajar dan bukan apa yang diajarkannya, (Cunningham, 2006). Guru perlulah kreatif dalam memilih kaedah pengajaran yang berkesan dan sesuai dengan minat kanak-kanak. Pemilihan bahan yang senang dikendali memudahkan guru merancang penyampaian pengajaran dengan efektif.

Menerusi aktiviti yang dikendalikan kanak-kanak merasa seronok kerana dapat bermain di samping membina perkataan yang mengandungi suku kata tertutup. Selain mereka merasa seronok, mereka juga tertarik untuk belajar menggunakan alatan yang mengemukakan konsep *hands on* berbanding belajar berdasarkan apa yang ditunjukkan oleh guru di papan putih. Kesepaduan unsur-unsur permainan bahasa dan nyanyian dapat mengembangkan keyakinan kanak-kanak untuk mengemukakan idea dalam perkembangan perkataan yang dihasilkan menerusi teknik suku kata ini. Mazania (2009) turut menyatakan penguasaan kemahiran membaca adalah sesuatu yang signifikan dan ia adalah penting dalam penguasaan pra bacaan.

6.0 PERBINCANGAN DAN RUMUSAN KAJIAN

Sudah sewajarnya mencari sesuatu yang mampu memberi pulangan yang baik dalam amalan dan jati diri perlu dipraktikan. Dengan memahami budaya, latarbelakang pendidikan terutamanya dalam aspek perkembangan profesional amat dituntut. Ilmu pengetahuan yang bersifat luas ni, semakin banyak dipelajari semakin banyak yang diterokai menuntut diri supaya lebih peka dan membuat refleksi sendiri (JPM, 2006). Dengan ini ia akan membawa satu perubahan yang positif sikapnya mungkin pada pandangan org lain kurang signifikannya tetapi buat diri sendiri dan mengalaminya ia memberi satu makna dan membuat satu “*turning point*” yang bakal membantu diri membuat perubahan dalam membantu merealisasikan wadah pendidikan di negara Malaysia.

Beberapa elemen yang harus diberi penekanan dalam pembinaan bahan penyampaian pengajaran dan pembelajaran yang boleh diperkenalkan kepada bakal guru dalam pemupukan kreativiti dan inovasi dalam diri pendidik. Konsep mudah, murah senang dikendalikan boleh diterap masuk dalam pembinaan bahan penyampaian pengajaran dalam kalangan kanak-kanak prasekolah. Pembinaan alat bantu mengajar (ABM) dengan penyampaian pengajaran semasa praktikum hendaklah lebih ringkas dan boleh dimanipulasi sepenuhnya oleh guru. Inovasi ini berjaya meghubungkaitkan amalan penciptaan abm sesuai dengan konsep mudah ubah, konsep 3R (*redo, reused & recycle*) dalam menyampaikan pengajaran dan pembelajaran di prasekolah sesuai dengan KSPK, (BPG, 2010). Kos yang efektif juga memainkan peranan yang signifikan dalam memudahkan dan merangsang guru melaksanakan penyampaian pengajaran dengan lebih yakin. Guru kena lebih kreatif dan mengguna apa juga bahan yang boleh diketengahkan dalam

penyampaian pengajaran dan hasilnya juga dapat membantu meningkatkan penguasaan pra bacaan dalam kalangan kanak-kanak.

Aspek komunikasi adalah tunjang utama dalam KSPK sewajarnya aspek kefungsiian bahasa diberi perhatian dalam menyokong pembelajaran bahasa dalam kalangan kanak-kanak. *The National Association for The Education of Young Children* (NAEYC) menyatakan bahawa keadaan yang lebih dan mewakili fitrah kanak-kanak, termasuklah sistem penilaian yang relevan dalam pendidikan awal kanak-kanak adalah signifikan dan ianya menyumbang kepada pengalaman dan masa depan yang cerah. Pengalaman pembelajaran prasekolah yang berkesan, bermakna dan mengembirakan berupaya membekalkan kanak-kanak dengan sikap yang positif terhadap pembelajaran yang akan ditempuh kelak. Dalam pendidikan awal anak-kanak, proses pembelajaran tidak seharusnya melihat kepada hasil semata-mata. Kaplow (1996) menyatakan pendidikan pada peringkat prasekolah lebih bertujuan memberi pengalaman asas yang kukuh untuk menyokong capaian pembelajaran bagi menyesuaikan diri dalam konteks perkembangan diri.

Pengalaman pembelajaran yang bermakna, memberi penekanan kepada penglibatan murid secara aktif dalam aktiviti sebenar agar mereka boleh mengaitkan kepada kehidupan seharian. Prinsip pembelajaran bermakna ini banyak diterap masuk dalam prinsip pembelajaran Maria Montessori (Morisson, 2009). Penguasaan kepada yang asas dalam pembelajaran menjadi kata kunci yang amat signifikan dalam penglibatan yang aktif, kanak-kanak akan belajar berdikari menerusi penyediaan yang sesuai dengan persekitaran mereka (Sandra, 2005). Pembelajaran yang mengembirakan iaitu memberi penekanan kepada minat dan bersemangat untuk belajar. Pembelajaran yang bermakna meliputi kurikulum serta persekitaran yang menyokong kanak-kanak bersemangat dan menambah minat ke arah pembelajaran itu sendiri. Morisson (2009). Mengupas kenyataan ini maka sewajarnya penekanan pembelajaran dalam diri kanak-kanak mencakupi situasi yang mengembirakan dan seronok, sekiranya kanak-kanak merasa seronok maka mereka akan dapat belajar dengan lebih cepat dan berkesan.

7.0 RUMUSAN

Bidang pendidikan berhadapan dengan masa depan yang mencabar dan memerlukan perancangan rapi, sistematik dan holistik. Bila melihat dari senario ini, maka sewajarnya usaha kolaboratif dalam kalangan warga pendidik bagi semua pihak yang berkepentingan dapat digembleng demi meletakbetulkan dan merekayasa sistem pendidikan kita agar lebih berkualiti dan berjaya melahirkan modal insan mengikut acuan kita sendiri. Pemantauan, penilaian dan penambahbaikan akan terus menjadi elemen yang akan ditekankan dalam kitaran perancangan bagi memantapkan lagi penyampaian pengajaran di prasekolah.

Menerusi kajian tindakan yang diketengahkan ini juga mendapati kepekaan dan pengajaran sendiri banyak membantu guru pelatih dalam memberi motivasi, suka, duka dalam perjalanan praktikum banyak mempengaruhi prestasi mereka dan seterusnya memberi pengalaman sebelum bermula sebagai seorang guru terlatih. Di samping itu juga, ia adalah sebagai wadah kepada pensyarah yang mendidik guru pelatih dengan penambahbaikan berterusan dan memperkembangkan kreativiti dalam membantu kanak-kanak mencapai perkembangan pembelajaran yang optimum sesuai dengan fitrah kanak-kanak itu sendiri. Galakan kepada bakal guru agar lebih kreatif dan inovatif amat diharapkan dan ia diharapkan dapat menjadi budaya yang terus dipupuk bukan hanya sebagai medan pertandingan sahaja.

Amalan profesional menyediakan peluang kepada bakal guru mempraktik ilmu, kemahiran dan teori amalan pengajaran dan pembelajaran, hasil dari pengalaman, proses refleksi dan penambahbaikan secara berterusan, pelajar akan menggunakan kreativiti dangi menghasilkan ilmu binaan (*situational knowledge*) dan inovasi yang menjadi asas kepada pembinaan ilmu profesional perguruan, BPG KPM 2009. Dalam arus perdana pada masa ini, komitmen guru semakin dituntut dalam menjayakan misi nasional terutamanya dalam pendidikan.

Pengajaran dan pembelajaran merupakan aspek penting dalam pelaksanaan kurikulum. Menjelang abad ke-21, pelajar perlu mendapat segala kemudahan yang disediakan untuk membantu mereka dalam proses pembelajaran. Sebagai kumpulan pelaksana yang bakal memikul tanggungjawab terhadap aspirasi negara, guru memainkan peranan besar untuk memastikan wadah ini dapat disampaikan dengan cemerlang. Seorang guru seharusnya memikirkan tatacara yang dapat mencungkil potensi pelajar tanpa mengira kanak-kanak berada kerana mereka adalah aset yang bakal memacu kejayaan negara.

Rujukan

- Bruce, T. (2004). *Developing learning in early childhood*. UK: Paul Chapman Publishing.
- Crosser, S. (2005). *What do we know about early childhood education?* Independence, KY: Thomson Delmar Learning.
- Cunningham, P. (2006). Early years and the influence of Piaget: evidence from oral history. *Early Years*, 26(1), 1-16.
- Jabatan Perdana Menteri. (2006). *Memperkuhkan Modal Insan* (atas talian) <http://www.epu.jpm.my/rm9/html>, diperolehi pada 14.12.2011.
- Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan*. (2010). Pusat perkembangan Kurikulum: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Lesley, K. (1996). *Unsmiling faces (How preschool can heal)*. New York: Teacher College Press.
- Mastura Badzis. (2008). *Kepentingan Pendidikan Awal Sebagai Asas Pembentukan Bangsa*, Institut Pendidikan UIAM, Jilid 1 ms 12 -23.
- Mazania Kasimin. (2009). Keberkesanan kaedah fonetik melalui teknik belajar sambil bermain dalam menguasai kemahiran membaca bahasa Malayu murid-murid KIA2M. *Jurnal Tinta Dinamik*, 1, 35-38.
- McNiff, J. (1993). *Teaching as learning: an action research approach*. New York: Routledge.
- Morrison, G.S. (2004). *Early childhood education today*. Upper Saddle River New.
- Omrod, J.E. (2008). *Education psychology developing learning (6th ed.)*. Upper Saddle, NJ: Pearson Merrial Prentince Hall.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2001). *Pembelajaran secara konstruktivisme*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Wragg, E.C. (1994). *An introduction to classroom observation*. London: Routledge.